



d/a Surau Al-Hamidin Taman Cahaya, Lot 28819, Jalan Cahaya 7, Taman Cahaya, 68000 Ampang, Selangor

USUL

USUL BERHUBUNG TINDAKAN PEMBERIAN KEWANGAN SECARA BERKALA DAN/ATAU AD HOC KEPADA AHLI-AHLI TANPA PELAPORAN RASMI

Bahawa Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) mengambil maklum bahawa:

1. Pemegang Jawatan BKS telah melaksanakan beberapa siri pemberian bantuan kewangan seperti sumbangan kepada waris kematian, sumbangan prihatin kepada ahli-ahli yang sakit, sumbangan Ramadhan kepada surau dan sumbangan duit raya kepada ahli-ahli terpilih.
2. Pemberian tersebut dilakukan tanpa hebahan, pelaporan rasmi, atau pembentangan kepada ahli-ahli BKS.
3. Tindakan tersebut menimbulkan persoalan dari segi ketelusan, tadbir urus kewangan, serta pematuhan kepada amalan pengurusan persatuan yang baik.

Maka dengan ini AGM pada hari ini hendaklah :

1. menzahirkan kebimbangan terhadap ketiadaan pelaporan rasmi berhubung semua aktiviti bantuan kewangan yang telah dilaksanakan oleh Pemegang Jawatan BKS.
2. mengarahkan Pemegang Jawatan membentangkan laporan lengkap kepada ahli-ahli dalam tempoh 14 hari :
 - * senarai semua penerima bantuan;
 - * jumlah bantuan kewangan yang diberikan;
 - * tarikh dan tujuan setiap bantuan kewangan;
 - * sumber dana yang digunakan;
 - * asas atau keputusan kelulusan yang meluluskan bantuan tersebut.
3. mengarahkan supaya semua bentuk bantuan kebajikan kewangan selepas ini hendaklah dibuat berdasarkan garis panduan yang jelas dan diluluskan oleh Mesyuarat Agung atau mekanisme yang dipersetujui ahli-ahli BKS.



MATBKS28

d/a Surau Al-Hamidin Taman Cahaya, Lot 28819, Jalan Cahaya 7, Taman Cahaya, 68000 Ampang, Selangor

4. mengarahkan supaya satu polisi bantuan kebajikan kewangan yang telus dan seragam digubal serta dibentangkan untuk kelulusan ahli dalam tempoh 1 bulan dari tarikh AGM.
5. bersetuju bahawa sebarang pelanggaran terhadap prosedur kewangan dan pelaporan akan dirujuk untuk tindakan lanjut mengikut perlembagaan BKS.

Nama : MOHAMAD SUHAILI B. MOKTAR

No Ahli : 1213

Tandatangan: 